

SOLUSI HATI

Itu Juga Jalan Kita ke SYURGA

Siapa tahu mungkin jalan yang kita redah setiap hari itu menjadi penyebab kita dimasukkan ke dalam syurga?



MUHAMMAD LUQMAN MAKHTAR

Sebuah buku tazkirah ringkas mendidik hati.

Isi Kandungan

Kata Penerbit vii
Kata Pengarang ix

BAHAGIAN 1: SYURGA

BAB 1. Masuk Syurga Mudah-mudah Pun Tidak Mahu? 3
BAB 2. Di Sebalik Pahala 11
BAB 3. Mungkin Dia Lebih Baik daripada Kita 15
BAB 4. Jom Tempah Rumah di Syurga 21
BAB 5. Kerana Kita Ada Syurga 25
BAB 6. 21 Perkara Tentang Syurga yang Mungkin Kita Terlupa 31

BAHAGIAN 2: DOSA

BAB 1. Kecil yang Besar 45
BAB 2. 10 Simptom Dosa 49
BAB 3. Senarai Hitam Orang yang Tidak Dapat Masuk Syurga 57
BAB 4. Sia-sia Amalan Jika ... 61
BAB 5. Mudahnya "Habiskan" Pahala 65
BAB 6. Apa yang Hendak Dihairankan? 67
BAB 7. Asalkan Banyak Amalan? 71
BAB 8. Antara Dua Penyakit Hati 77
BAB 9. Lima Penghapus Dosa 81





BAHAGIAN 3: JALAN

BAB 1. Jom Musafir Bersama Rasulullah ﷺ 91
BAB 2. Agar Allah ﷻ Bersama Kita Sepanjang Perjalanan 101
BAB 3. Fakta Angka 107
BAB 4. Belajar daripada *Traffic Psychology* 111
BAB 5. Uji Akhlak Pemandu Muslim 115
BAB 6. Itu Bukan Pemandu Mukmin 121
BAB 7. Etika di Jalan Raya dalam al-Quran 131
BAB 8. Itu Juga Jalan Kita ke Syurga 133

BAHAGIAN 4: MARAH

BAB 1. Marah Demi Allah ﷻ 143
BAB 2. Eksplorasi Ayat-ayat Marah 145
BAB 3. Marahlah Demi Sakinah 149
BAB 4. Rasulullah ﷺ Juga Marah 153

BAHAGIAN 5: ALLAH BERSAMA

BAB 1. Allah ﷻ Penghapus Gelisah 165
BAB 2. Kalam Nabawi buat Azimat Diri 171
BAB 3. Kalam Ilahi buat Azimat Diri 177
BAB 4. Mungkin Kita Lupa 183

Menjentik kesedaran mencetus tindakan



"Siapa tahu suatu perbuatan remeh yang kita lakukan, itulah penyebab Allah memasukkan kita ke syurga?"



Itu Juga Jalan Kita ke SYURGA



MUHAMMAD LUQMAN MAKHTAR

Bersaiz A5 - 200 halaman - Cetakan 2 warna

"Allah beri pahala sebab Dia sukakan amalan kita. Allah mengurniakan syurga apabila Dia reda dengan kita."



BAB 2

DI SEBALIK PAHALA

Di sebalik pahala ada "suka". Di sebalik syurga ada "reda". Maknanya, Allah ﷻ beri pahala sebab Dia sukakan amalan kita. Allah ﷻ mengurniakan syurga apabila Dia reda dengan kita. Tiada siapa boleh mewajibkan Allah ﷻ untuk beri pahala dan syurga. Boleh jadi suatu amalan yang sepatutnya berpahala, tapi berdosa kerana Allah ﷻ tidak suka. Contohnya kita beri derma tetapi niat di hati menanti apa orang akan kata.



Begitulah, ada amalan sepatutnya membawa ke syurga, tetapi mengheret kita ke neraka sebab Allah ﷻ tidak reda.

Rasulullah ﷺ sudah mengingatkan, "Orang yang akan diadili paling awal ialah seorang yang mati syahid. Allah ﷻ memperlihatkan kurniaan yang pernah diberikan kepadanya.

> **"Tiada siapa boleh mewajibkan Allah untuk beri pahala dan syurga."**

Bersaiz A5 - 200 halaman - Cetakan 2 warna

"Ada seorang melihat sebatang dahan merintangi laluan. Dia berkata, 'Demi Allah! Aku akan alihkannya agar tidak susahkan kaum Muslimin.' **Maka dia dimasukkan ke syurga."**

(Riwayat Muslim)

BAB 4

JOM TEMPAH RUMAH DI SYURGA

Rumah. Di dunia, berapa ramai orang berhempas-pulas kerja siang malam, ligat ke sana ke sini demi membeli rumah idaman? Kemudian hanya tinggal 10 atau 20 tahun paling lama, kita wariskan pula kepada orang lain. Bersungguh-sungguh kita ikat perut demi rumah dunia. Bagaimana dengan rumah di syurga yang ditawarkan Allah ﷻ? Berikut beberapa skim rumah mampu milik di syurga yang ditawarkan Allah ﷻ:

1 Bina Masjid

"Sesiapa yang membina masjid, maka Allah ﷻ akan membina untuknya sebuah rumah di syurga."



(Riwayat al-Bukhari)

"Tidak ke mana jika kita hanya beria-ia menambah pahala tetapi tetap tegar dengan tabiat dosa.

Solat tetapi mengumpat. Naik haji tetapi mulut cepat mencaci.

Setiap tahun umrah tetapi tetap pemarah. Berdoa tetapi bomoh berjumpa juga. Ingat-mengingatkanlah sesama kita."

BAB 3

SENARAI HITAM ORANG YANG TIDAK DAPAT MASUK SYURGA

Masuk syurga adalah matlamat kita. Menjadi ahli syurga bermakna kita berjaya meraih reda-Nya. Lalu untuk itu kita perlu usaha tambah pahala sepanjang usia. Cuma jangan lupa semak diri sentiasa. Mana tahu dengan amalan kita rasa macam layak ke syurga.

Padahal awal-awal lagi, diri kita tidak sedar mungkin ada sifat-sifat senarai hitam orang yang tidak dapat masuk syurga!

Wal 'iyazubillah.

Sembilan Orang yang Tidak Masuk Syurga (Dengan Kejayaan)

1 Pemutus hubungan.

"Tidak masuk syurga orang yang memutuskan hubungan silaturahim!"

(Riwayat Muslim)

"Allah ﷻ sentiasa sudi melupakan kesalahan-kesalahan biasa tanpa kita menagih dan merayu kepada-Nya."

BAB 1

JOM MUSAFIR BERSAMA RASULULLAH ﷺ

Walaupun Rasulullah ﷺ sudah wafat, para sahabat tetap "menghadirkan" Baginda dalam kehidupan.

Bagaimana? Mereka lakukan persis yang mereka pernah lihat Rasulullah ﷺ lakukan.

Antaranya Ibnu Umar ؓ pernah melalui suatu tempat, kemudian tiba-tiba beliau melencong sedikit. Seolah-olah mengelakkan diri daripada sesuatu sedangkan di situ kawasan lapang. Apabila ditanya, rupa-rupanya di tempat itu Rasulullah ﷺ pernah berbuat perkara yang sama kerana mengelakkan sesuatu. Begitu juga Sayidina Ali bin Abu Talib ؓ.

'Ali bin Rabi'ah ؓ berkata, "Aku pernah melihat Ali bin Abu Talib ؓ menaiki tunggangan. Tatkala meletakkan kaki di tempat letak kaki beliau pun menyebut *basmalah*. Kemudian apabila badannya sudah stabil di atas tunggangan, beliau pun menyebut,